

# KAU MEMANG INSPIRASI

■ Pelajar cacat kedua-dua kaki meluncur ambil diploma

Rabi 'Atul 'Adawiyah Ismail  
rabiatul@hmetro.com.my

**Gambak**

Dewan Pusat Kebudayaan dan Aktiviti, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), di sini, bergema dengan sorakan sebaik Mohd Haziq Samrat, 22, meluncur atas pentas menggunakan papan luncur untuk menerima Anugerah Inspirasi sempena Konvokesyen Kolej Islam Antarabangsa (IIC) Ke-10 di sini, semalam.

Kedua-dua kakinya cacat sejak lahir menyebabkan Mohd Haziq terpaksa bergantung dengan penggunaan papan luncur untuk bergerak seawal usianya dua tahun.

**KECACATAN fizikal tidak menghalang Mohd Haziq memperoleh Diploma Animasi Kreatif.**

Namun, ia bukan satu alasan untuk Mohd Haziq dan tidak menghalangnya mengharungi kepayahan menimba ilmu sehingga berjaya menamatkan pengajian Diploma Animasi Kreatif.

Mohd Haziq ketika ditemui berkata, dia tidak pernah menganggap dirinya orang kurang upaya (OKU), sebaliknya melayan dirinya seperti orang normal dengan berdikari dan terbabit dalam sukan lasak.

"Saya tidak pernah merasakan kecacatan fizikal yang dialami sebagai satu cabaran dan saya bagi peluang kepada diri sendiri untuk sama-sama bersaing dengan orang normal untuk berjaya.

"Saya selalu in-

gin membuktikan bahawa saya seperti orang biasa dengan menyertai aktiviti lasak, antaranya memanjat batu, bermain paint ball dan mencuba paragliding," katanya ketika ditemui, semalam.

Anak bongsu daripada tujuh adik beradik yang berasal dari Selayang itu berkata, walaupun tidak mempunyai kaki, dia tidak rasa takut kerana ada kerana masih ada kedua-dua tangan yang membantu dalam per-



**MOHD Haziq bersama bapa, Samrat Mekah, 70, dan ibunya, Narimawati Abd Jalil, 63, semalam.**

## Graduan IIC laris di pasaran

**Kuala Lumpur:** Kolej Islam Antarabangsa (IIC) positif graduan yang dihasilkan mempunyai kebolehpasaran dalam bidang pekerjaan dan berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Shamsul Kahar Haron berkata, graduan IIC laris di pasaran dan mudah mendapat pekerjaan, walaupun hanya dengan menggunakan transkrip akhir pengajian.

Menurutnya, hasil kajian yang dijalankan terhadap graduan yang menghadiri konvokesyen itu mendapati 80 peratus daripadanya menyambung pengajian ke peringkat tertinggi, manakala bakinya sudah bekerja.

"Kami di IIC menghasilkan graduan yang

boleh dipasarkan dengan menyediakan kursus relevan untuk situasi pekerjaan serta ekonomi semasa.

"Selain itu, pada tahun ini kami menawarkan dua kursus baru iaitu peringkat diploma dan ijazah. Sejak penubuhannya pada 2001, IIC sudah melahirkan seramai 10,392 graduan," katanya ketika sidang media selepas Majlis Konvokesyen Ke-10 Kolej Islam Antarabangsa di Dewan Pusat Kebudayaan dan Aktiviti, Universiti Islam Antarabangsa di sini, semalam.

Pada majlis itu, graduan Diploma Pengajian Islam dan Sains Kontemporari Muhammad Syahir Aiman Md Sukor menerima Anugerah Kecemerlangan Aktiviti Kokurikulum dengan purata nilai gred keseluruhan (PNGK) 3.48.

gerakan seharian.

"Saya sudah biasa bergerak sendiri menggunakan papan luncur. Apabila lif rosak, ada saja rakan membantu memegang papan luncur, sementara saya menuruni tangga menggunakan kekuatan kedua-dua tangan.

"Walaupun keadaan saya begini, saya mempunyai ramai kawan yang selalu

memberi sokongan dan membantu, sama ada dalam pelajaran mahupun motivasi. Saya melihat keadaan ini sebagai satu kekuatan, bukan kelemahan," katanya yang memilih untuk menaiki papan luncur berbanding menggunakan kerusi roda.

Mohd Haziq yang pernah berlakon dalam drama Tanah Kubur dan Hatiku Di Sini, akan menjalani latihan dalam sukan renang bermula 1 Februari depan bagi perediaan kejohanan Paralimpik peringkat ASEAN, Sep-

tember depan.

Katanya, dia baru mencuba untuk menyertai sukan renang dan masih menyimpan hasrat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah.

Pada majlis itu, seramai 1,523 graduan menerima ijazah, diploma dan sijil dalam pelbagai kursus yang disampaikan TuanKu Besar Tampin Tunku Syed Razman Tunku Syed Idrus A-Qadri bagi sesi pagi, manakala sesi petang disempurnakan Profesor Dr Isarji Sarudin.



**RAKAN-rakan banyak membantu Mohd Haziq ketika belajar.**